

TARIKH: 8/8/23
SURAT KHABAR: Kosmo Negara
MUKA SURAT: 14

40,000 buruh asing tinggal berpusat menjelang 2025

MELAKA – Melaka menasarkankan untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 40 buah bangunan penginapan pekerja berpusat (CLQ) yang akan menempatkan lebih 40,000 pekerja warga asing di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem berkata, setakat ini sebanyak 15 buah bangunan telah dibangunkan di beberapa lokasi berhampiran kawasan perindustrian.

Bagaimanapun, menurutnya, bangunan itu hanya menampung 22,765 pekerja berbanding jumlah keseluruhan buruh yang kini mencecah 63,500 orang di negeri ini.

“Kita sedang berusaha mendapatkan kerjasama daripada syarikat kontraktor untuk membangunkan lebih banyak lagi CLQ



HEE SEM (tiga dari kiri) menyampaikan anugerah Best Practises Award kepada seorang majikan 2023 di Ayer Keroh semalam.

di negeri ini dan kita sasarkan sekurang-kurangnya 40 bangunan yang boleh menempatkan 40,000 buruh akan siap dibina

menjelang 2025.

“Sasaran ini adalah keperluan yang selari dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Ne-

geri di mana mulai 2025 semua pekerja asing ini hendaklah ditempatkan di CLQ,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penutup Program Pendidikan Perburuhan Bil 3/2023: Executive Talk Melestari Perumahan dan Penginapan Pekerja Negeri Melaka 2023 di sebuah hotel di Ayer Keroh semalam.

Menurutnya, berdasarkan perancangan tersebut, pihaknya yakin Melaka bakal menjadi negeri contoh dalam pengurusan penempatan buruh dengan penginapan lebih kondusif, terancang dan selamat.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Mohd. Asri Abdul Wahab berkata, sehingga kini pihaknya mengeluarkan sebanyak 30,093 Sijil

Perakuan kepada majikan yang menyediakan penginapan yang mematuhi standard minimum di bawah Akta 446.

“Kami juga telah menjalankan sebanyak 391 operasi penguatkuasaan pada tahun ini dan sejak 2020 sehingga hari ini, sebanyak 1,621 kertas siasatan telah dibuka membabitkan pelbagai kesalahan khususnya di bawah Seksyen 24D Akta 446.

“Jumlah denda dikenakan dalam pendakwaan telah mencecah RM1.395 juta dan nilai kompaun RM8.078 juta,” jelasnya.

Ujar, beliau, pihaknya berharap agar penggiat industri terutama syarikat-syarikat swasta akan memilih dan menggunakan sepenuhnya pusat penginapan pekerja bagi memastikan standard kehidupan pekerja dapat ditingkatkan dan lebih terjamin.

+ Kosmo: Negara 8.8.23 pg 14